




DISEMBER 2019

SABITAN LEBIH TEGAS

UNTUK KESALAHAN BERKAITAN
KAMBING GURUN DI
SEMENANJUNG MALAYSIA

*Kanitha Krishnasamy
Or Oi Ching
Salman Saaban*



TRAFFIC
the wildlife trade monitoring network

TRAFFIC REPORT

SABITAN LEBIH TEGAS UNTUK KESALAHAN BERKAITAN KAMBING GURUN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TRAFFIC is a leading non-governmental organisation working globally on trade in wild animals and plants in the context of both biodiversity conservation and sustainable development.

Reproduction of material appearing in this report requires written permission from the publisher.

The designations of geographical entities in this publication, and the presentation of the material, do not imply the expression of any opinion whatsoever on the part of TRAFFIC or its supporting organisations concerning the legal status of any country, territory, or area, or of its authorities, or concerning the delimitation of its frontiers or boundaries.

Published by:

TRAFFIC

Southeast Asia Regional Office,
Suite 12A-01, Level 12A, Tower 1, Wisma AmFirst,
Jalan Stadium SS7/15, Kelana Jaya
Petaling Jaya, Malaysia.

Suggested citation: Krishnasamy, K., Or, O.C. and Saaban, S. (2019). *Sabitani Lebih Tegass Untuk Kesalahan Berkaitan Kambing Gurun Di Semenanjung Malaysia*. TRAFFIC, Southeast Asia Regional Office, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© TRAFFIC 2019. Copyright of material published in this report is vested in TRAFFIC.

ISBN no: 978-983-3393-89-3

UK Registered Charity No. 1076722

Front cover photo:

©<https://www.shutterstock.com/g/TTshutter>

Design by Faril Izzadi

All photos copyright TRAFFIC unless otherwise stated.



KANDUNGAN

1	Penemuan Utama	1
2	Pengenalan	2
3	Rampasan Kambing Gurun di Semenanjung Malaysia Dari Tahun 2003–2019	5
4	Perundangan dan Sabitan Bagi Kes Berkaitan Kambing Gurun	12
5	Kesimpulan	15
6	Rujukan	16

PENGHARGAAN

TRAFFIC mengucapkan terima kasih kepada Jeff Holland dan *Center for the Conservation of Tropical Ungulates* atas sokongan berterusan terhadap kajian perdagangan kambing gurun kami sejak tahun 2014. Terima kasih juga kepada Dato' Kadir Abu Hashim, Dr. Pazil Abdul Patah dan rakan sekerja PERHILITAN kerana sudi berkongsi maklumat mengenai perdagangan kambing gurun di Malaysia. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami kepada Elizabeth John, Ranchithaa Anatory, James Compton dan Richard Thomas di atas ulasan laporan ini, Faril Izzadi untuk reka bentuk dan susun atur laporan, serta Suzalinur Manja di atas bantuan penterjemahan.

Januari 2003–April 2019

18 rampasan kambing gurun

27 kambing gurun



Dari 2017

RM1.7 juta jumlah saman (USD404,070)

93 bulan jumlah tempoh penjara



Dari 2003

Sejumlah 39 orang telah ditahan



PENEMUAN UTAMA

Pemburuan haram untuk perdagangan merupakan ancaman terbesar terhadap kemandirian hidup kambing gurun *Capricornis sumatraensis* di seluruh kawasan taburannya, termasuk di Semenanjung Malaysia yang telah menyaksikan banyak rampasan kambing gurun. Di Semenanjung Malaysia, kambing gurun disenaraikan sebagai 'Dilindungi Sepenuhnya' di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang melarang sebarang kegiatan pemburuan dan perdagangan, namun kambing gurun masih menjadi spesis sasaran yang digunakan secara meluas terutamanya dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu serta daging hidupan liar yang dihidangkan di restoran. Dalam proses penilaian rampasan dan hasil tindakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kambing gurun, satu perkembangan yang baik telah direkodkan antara tahun 2017 dan 2019 berbanding tahun-tahun yang sebelumnya. Laporan ini mengemukakan profil kesalahan berkaitan kambing gurun sebagai kajian kes untuk mengetengahkan kejayaan pendakwaan pihak kerajaan dalam menangani isu ini.

Dari Januari 2003 hingga April 2019, sebanyak 18 insiden rampasan kambing gurun yang melibatkan sekurang-kurangnya 27 ekor kambing gurun telah direkodkan. Walaupun beberapa cabaran masih wujud, pada keseluruhannya, mahkamah telah mengeluarkan denda kumulatif berjumlah RM1.7 juta (USD404,070) dan penjara 93 bulan bagi sabitan sejak tahun 2017.

Daripada jumlah ini, denda RM1.2 juta (USD300,000) dan penjara 48 bulan adalah hukuman paling berat yang telah dijatuhkan terhadap dua pesalah pada tahun 2017, khusus bagi kesalahan berkaitan kambing gurun. Sejumlah 39 orang telah ditahan sejak tahun 2003, di mana kesemua pesalah yang ditahan merupakan rakyat Malaysia, kecuali bagi tiga kes yang membabitkan lapan orang warga Viet Nam dan 11 orang warga Indonesia. Kelantan dan Pahang mendahului negeri lain dari segi kekerapan rampasan kambing gurun, manakala Perak adalah paling tinggi dari segi bilangan kambing gurun yang dirampas.

Penglibatan lebih rapat antara sektor penguatkuasa undang-undang dan badan kehakiman adalah kritikal untuk mengekalkan momentum ini, terutamanya untuk memastikan bahawa hasil daripada kes jenayah hidupan liar membawa kepada sabitan dan hukuman yang tegas dan bersifat mencegah. Insiden rampasan daging kambing gurun menunjukkan keperluan untuk pemeriksaan berkala di restoran serta pemantauan perdagangan yang berterusan untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan undang-undang. Beberapa rampasan yang telah dilaksanakan juga merupakan hasil maklumat daripada orang ramai, termasuk penjualan kepala kambing gurun secara terbuka di pasaran. Oleh itu, masyarakat umum adalah digalakkan untuk terus menyokong usaha penguatkuasaan undang-undang dan untuk melaporkan insiden jenayah hidupan liar.

PENGENALAN

Kambing gurun *Capricornis sumatraensis* boleh ditemui di rantau Asia Tenggara, termasuklah di Semenanjung Malaysia, selatan Thailand dan di Sumatera, Indonesia (Duckworth *et al.*, 2018). Ini merupakan satu-satunya spesis kambing liar di Malaysia yang hanya boleh ditemui di Semenanjung Malaysia. Spesis ini disenaraikan sebagai *Vulnerable* oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List, di mana populasi liarnya semakin berkurangan (Duckworth *et al.*, 2018).


Kambing gurun Sumatera adalah satu-satunya kambing gurun yang terdapat di Semenanjung Malaysia



Dikategorikan sebagai *Vulnerable* di dalam IUCN Red List



Kambing gurun diburu untuk mendapatkan kepala, tanduk, kulit dan dagingnya



Kehilangan habitat semulajadi tetap menjadi ancaman utama bagi spesis ini, terutamanya hasil dari perlombongan, kuari dan pembangunan infrastruktur. Walaubagaimanapun, pemburuan haram dan perdagangan untuk penggunaan daging dan anggota badannya masih berlarutan, dan mengancam kemandirian spesis (Shepherd dan Krishnasamy, 2014; Duckworth *et al.*, 2018). Kambing gurun disenaraikan di bawah Apendiks I oleh *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)* yang melarang sebarang perdagangan komersial di peringkat antarabangsa.

Meskipun, perdagangan dan penggunaan kambing gurun adalah lebih tertumpu di peringkat domestik di rantau Asia Tenggara, di mana dagingnya dimakan dan anggota badannya digunakan dalam perubatan tradisional (Duckworth *et al.*, 2008; Shepherd dan Krishnasamy, 2014). Kepala, tanduk, kulit kambing gurun dan haiwan dalam bentuk trofi juga biasa ditemui di pasar terbuka dan kedai di seluruh rantau Asia Tenggara (Duckworth *et al.*, 2008; Shepherd dan Nijman, 2007; Li, 2014; Shepherd dan Krishnasamy, 2014; Anon, 2016; Anon, 2017; Leupen *et al.*, 2017).

Walaupun dilindungi undang-undang di Malaysia (sila lihat muka surat 12), Kambing gurun masih diburu untuk daging dan anggota badan berdasarkan daripada rampasan yang telah dibuat. Kepala dan anggota badan digunakan dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu – dikatakan memiliki sifat keramat – dan digunakan dalam bentuk salap (*ointment*) yang dihasilkan daripada minyaknya (Rahman, 1997; Li, 2014; Shepherd dan Krishnasamy, 2014; Mohd Jamilul, 2018).

Rajah 2 menunjukkan satu risalah yang diletakkan di sebuah pasar malam di Kedah pada September 2017 yang menghebahkan penggunaan dan manfaat kambing gurun sebagai ubat untuk merawat batuk, lesu, gout, kegatalan, perut kembung dan pelbagai penyakit lain. Dalam perubatan tradisional Cina pula, dagingnya dimasak dengan campuran bahan herba tertentu untuk mengimbangkan *Chi* dalam badan (Anon, komunikasi peribadi, 2017). Dalam perdagangan daging haiwan liar pada tahun 2012, sebanyak 18 daripada 131 buah restoran di Semenanjung Malaysia telah menawarkan daging kambing gurun untuk jualan (Shepherd dan Krishnasamy, 2014). Walaupun bilangannya sedikit, kebolehdapatan menunjukkan pemburuan haram berlaku untuk memenuhi permintaan di restoran.



Rajah 1: Rampasan bahagian kambing gurun di Kelantan pada Disember 2018 (kiri atas) dan di sempadan Negeri Sembilan–Melaka pada 2016 (kanan atas); kakitangan PERHILITAN mengangkut kambing gurun dari hutan selepas dijumpai terjerat di negeri Kelantan (di bawah)

MINYAK KAMBING GURUN ASLI

MINYAK RUHANIAH AS-SHIRA

KHASIAT

BATUK
BATUK LELAH
BATU KARANG BUASIR
PENAT/LELAH/ASMA
BISA DALAM PERUT
KENCING TAK LAWAS

MINUM 1 SUDU 1 SEKALI
(JANGAN DI MINUM SEWAKTU LELAH)

URUT BATIN
LUMPUH
PATAH
KEBAS
TERSELIUH
LENGUH-LENGUH
GOUT
SAKIT LUTUT
KEMBUNG PERUT
GATAL-GATAL KULIT,
LUKA-LUKA
DI SENGAT SINGAT BISA
SAKIT PINGGANG
GANGGUAN SIHIR
CUCI BUAH PINGGANG UNTUK ORANG
YANG MINUM JUS KETUM

SAPU DI TEMPAT YANG SAKIT
(PANTANG JANGAN MAKAN PISANG)

MASALAH RUMAHTANGGA
ANAK MALAS BELAJAR

MASAK 1 SUDU BESAR,
BERSAMA MAKANAN

PELARIS



SAPU DI LUAR KEDAI / TEMPAT
(SELAWAT 3X NIAT)

UNTUK MENGHADAPI TEMUDUGA DAN
BERHADAPAN DENGAN ORANG MARAH

BACA FATIHAH TIGA GHOL (3X)
SAPU DI KENING

GANGGUAN IBLIS SYAITAN
ANAK MENANGIS MALAM

SAPU DI KENING, SAPU LUAR
RUMAH

Rajah 2: Risalah yang menunjukkan manfaat minyak Kambing gurun, di mana insiden ini direkodkan di Kedah pada September 2017.

RAMPASAN KAMBING GURUN DI SEMENANJUNG MALAYSIA ANTARA 2003 DAN 2019

Sejak tahun 2003, rekod insiden berkaitan pemburuan dan perdagangan haram kambing gurun menunjukkan permintaan yang berterusan untuk spesis ini. Analisa rampasan antara tahun 2003 dan 2012 menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya 9 insiden rampasan kambing gurun (Shepherd dan Krishnasamy, 2014). Sejak itu, terdapat tambahan sembilan insiden rampasan oleh pihak berkuasa antara tahun 2016 dan April 2019 (**Jadual 1**). Secara keseluruhannya, daripada

Januari 2003 hingga April 2019, sebanyak 18 insiden rampasan kambing gurun yang melibatkan sekurang-kurangnya 27 ekor kambing gurun telah dilakukan (**Jadual 1**). Dalam tempoh ini, seramai 39 orang telah ditahan bagi kesalahan tersebut. Rampasan kambing gurun yang paling kerap berlaku di negeri Kelantan dan Pahang, manakala anggaran bilangan kambing gurun tertinggi yang dirampas berlaku di Perak (**Rajah 3**).

Jadual 1: Insiden rampasan Kambing gurun di Semenanjung Malaysia antara Januari 2003 dan April 2019

Maklumat rampasan	Tarikh	Lokasi, Negeri/ Wilayah	Bahagian (kuantiti)	Bilangan suspek yang terlibat	Bilangan minimum kambing gurun yang terlibat	Hasil pendakwaan
Daging kambing gurun dan daging pelbagai spesis hidupan liar lain telah dirampas.	Januari 2003	Segamat, Johor	Daging (24 kg)	1	1	-
Seorang anggota RELA (Jabatan Sukarelawan Malaysia) telah ditahan kerana memburu seekor kambing gurun.	Mac 2005	Dabong, Kelantan	Seluruh badan	1	1	Rampasan, kompaun RM2,500 (USD660)
Seorang individu telah ditahan kerana menyimpan daging kambing gurun.	2006	Selangor	Tidak diketahui	1	1	Rampasan, kompaun RM900 (USD250)

Maklumat rampasan	Tarikh	Lokasi, Negeri/ Wilayah	Bahagian (kuantiti)	Bilangan suspek yang terlibat	Bilangan minimum kambing gurun yang terlibat	Hasil pendakwaan
Bahagian anggota badan kambing gurun disimpan di dalam bekas minyak masak telah dirampas daripada satu pasangan bomoh. Pasangan tersebut dilaporkan telah menggunakan anggota badan kambing gurun dalam upacara penyembuhan selama 35 tahun.	Mac 2007	Lenggong, Perak	Enam tengkorak, tulang	2	6	Denda RM2,000 (USD571), penjara 2 bulan jika gagal bayar denda.
Kepala seekor kambing gurun dan daging serta pelbagai haiwan liar 'Dilindungi' lain telah dirampas; seramai empat individu lelaki telah ditahan.	Januari 2008	Gua Musang, Kelantan	Daging (24 kg)	4	1	-
Bahagian anggota badan kambing gurun dan pelbagai spesies hidupan liar lain telah dirampas dalam satu serbuan.	Oktober 2009	Kuala Lumpur	Bahagian anggota badan	1	1	RM2,000 (USD590) atau dua bulan penjara jika gagal bayar denda.
Dua tanduk kambing gurun, dan pelbagai anggota badan hidupan liar lain telah dirampas dalam dua serbuan berasingan.	Mac 2010	Johor	Tanduk (satu pasang)	-	1	-
Satu kepala kambing gurun dan kulit telah dirampas di kawasan berhampiran Taman Negara.	May 2010	Berhampiran Taman Negara, Pahang	Kepala dan kulit	1	1	Didenda RM1,000 (USD250).

* Purata kadar pertukaran antara RM dan USD di antara 2005 dan 2010: <https://www.oanda.com/currency/converter/>

Maklumat rampasan	Tarikh	Lokasi, Negeri/ Wilayah	Bahagian (kuantiti)	Bilangan suspek yang terlibat	Bilangan minimum kambing gurun yang terlibat	Hasil pendakwaan
Seorang wanita dan anak saudara lelakinya telah ditahan kerana memiliki pelbagai spesis haiwan liar yang 'Dilindungi Sepenuhnya', anggota badan haiwan liar, termasuklah dua tanduk kambing gurun.	Januari 2012	Baling, Kedah	Tanduk (satu pasang)	2	1	-
Dua individu lelaki warga tempatan telah ditahan oleh PERHILITAN dalam dua rampasan berasingan di dua premis di Gerik, Perak kerana memiliki daging dan tulang kambing gurun, selain pelbagai daging haiwan liar lain.	Februari 2016	Gerik, Perak	Daging dan tulang	2	1	-
Seorang warga tempatan telah ditahan oleh PERHILITAN kerana memiliki beberapa bahagian kambing gurun, disyaki untuk pembuatan ubat tradisional.	September 2016	Seremban, Negeri Sembilan	Kepala kambing gurun (2), kaki (12) dan kulit	1	3	Parol selama 3 bulan (Hakim menjatuhkan hukuman parol, bukannya denda dan penjara mandatori, memandangkan usia pesalah yang sudah lanjut).
Dua orang warga tempatan telah ditahan kerana menyimpan kepala dan anggota badan kambing gurun di Hutan Simpan Tekai Tembeling di Pahang.	Mac 2017	Hutan Simpan Tekai Tembeling, Pahang	Kepala kambing gurun (1) dan anggota badan	2	1	Jumlah denda keseluruhan sebanyak RM1.2 juta (USD300,000) dan 48 bulan penjara untuk dua orang. Penjara tambahan sebanyak enam bulan lagi jika denda tidak dibayar.

Maklumat rampasan	Tarikh	Lokasi, Negeri/ Wilayah	Bahagian (kuantiti)	Bilangan suspek yang terlibat	Bilangan minimum kambing gurun yang terlibat	Hasil pendakwaan
Serbuan oleh PERHILITAN dan rampasan satu kepala kambing gurun.	Oktober 2017	Sungai Petani, Kedah	Kepala kambing gurun (1)	1	1	Dilepaskan tanpa dibebaskan atau DNAA oleh Mahkamah, kerana saman tidak dapat dikenakan kepada individu yang dipersalahkan.
Seorang lelaki ditahan kerana memiliki satu kepala kambing gurun dan anggota badan kambing gurun, di mana kesemuanya ditemui dalam satu beg plastik berisi minyak, disyaki digunakan untuk perubatan tradisional.	Januari 2018	Alor Setar, Kedah	Kepala kambing gurun (2), dan kaki kambing gurun	1	2	Hukuman penjara 18 bulan, termasuklah ganti kepada denda sejumlah RM100,000 (USD25,000).
Enam orang warga Viet Nam telah ditahan kerana memiliki anggota badan kambing gurun, Harimau Belang <i>Panthera tigris</i> dan pelbagai anggota badan hidupan liar lain.	Julai 2018	Kuala Lipis, Pahang	Tanduk kambing gurun (4), bahagian ekor.	6 (hanya satu individu telah dijatuhkan hukuman)*	2	Tiada tindakan lanjut atau <i>No Further Action</i> (NFA) bagi kes yang melibatkan kambing gurun. Individu yang dipersalahkan mengaku terhadap semua kesalahan yang membabitkan anggota bahagian badan Harimau Belang. Jumlah denda ialah RM400,000 (USD 100,000) (atau 4 tahun penjara jika gagal bayar denda) dan 6 tahun penjara (terpakai kepada kesalahan yang tidak melibatkan kambing gurun).

Maklumat rampasan	Tarikh	Lokasi, Negeri/ Wilayah	Bahagian (kuantiti)	Bilangan suspek yang terlibat	Bilangan minimum kambing gurun yang terlibat	Hasil pendakwaan
Seorang lelaki ditahan kerana menjerat dan memiliki seekor kambing gurun.	Disember 2018	Gua Musang, Kelantan	Seluruh badan (1)	1	1	Didenda RM200,000 (USD50,000) dan 3 bulan penjara
11 orang warga Indonesia telah ditahan kerana memiliki anggota badan kambing gurun.	Januari 2019	Gua Musang, Kelantan	Kulit dan daging kambing gurun	11	1	Sedang berlangsung
Seorang lelaki ditahan kerana menjerat dan memiliki seekor kambing gurun.	Disember 2018	Gua Musang, Kelantan	Seluruh badan (1)	1	1	Didenda RM200,000 (USD50,000) dan 3 bulan penjara
11 orang warga Indonesia telah ditahan kerana memiliki anggota badan kambing gurun.	Januari 2019	Gua Musang, Kelantan	Kulit dan daging kambing gurun	11	1	Sedang berlangsung
2 orang warga Viet Nam telah ditahan kerana memiliki anggota badan hidupan liar seperti Beruang Matahari Helarctos malayanus, kambing gurun dan lain-lain.	April 2019	Taman Negara, Pahang	2 pundi hempedu kambing gurun	2	1	Denda bagi kesalahan yang melibatkan kambing gurun adalah RM200,000 (USD50,000) dan 2 tahun penjara; tambahan 2 tahun penjara kerana pesalah gagal bayar denda.
JUMLAH				39	27	

* Pada peringkat awal, kesemua enam individu mengaku tidak bersalah. Semasa kes berlangsung, seorang individu telah menukar pengakuannya kepada bersalah, dan dakwaan terhadap lima individu lain telah digugurkan.





Figure 3: Pecahan rampasan Kambing gurun mengikut negeri, antara Januari 2003 dan April 2019

Pesalah dalam kesemua kes adalah warganegara Malaysia, kecuali dalam dua kes yang melibatkan lapan orang warga Viet Nam dan 11 orang warga Indonesia. Pada Julai 2018, enam orang warga Viet Nam telah ditahan kerana memiliki kambing gurun dan pelbagai hidupan liar terancam dan spesis 'Dilindungi Sepenuhnya' seperti Harimau Belang dan Harimau Kumbang *Panthera pardus*. Pada tahun 2019, terdapat sekurang-kurangnya dua kes melibatkan warga asing. Dalam insiden pertama pada bulan Januari, 11 orang warga Indonesia telah ditahan memiliki anggota badan kambing gurun dan hidupan liar lain (Md Denin, 2019). Berdasarkan maklumat dan kempen anti-jerat oleh PERHILITAN, pihak berkuasa membuat serbuan di

sebuah rumah dan menemui 11 orang pekerja syarikat pertanian dan konsesi balak yang memiliki anggota badan kambing gurun, Kucing Batu *Prionailurus bengalensis* dan Kijang *Muntiacus muntjac*. Dalam kes kedua pada April 2019, dua orang warga Viet Nam telah ditangkap di dalam kawasan perlindungan memiliki anggota bahagian badan kambing gurun dan hidupan liar lain (**Jadual 1**). Kesemua kes yang melibatkan spesis 'Dilindungi Sepenuhnya' seperti Harimau Belang dan Beruang Matahari menunjukkan peningkatan penglibatan warga asing dalam kegiatan pemburuan dan perdagangan haram hidupan liar di Malaysia.



Perhilitan rampas anggota badan kambing gurun bernilai RM100,000

SEREMBAN 28 Sept. - Pelbagai bahagian anggota badan kambing gurun bernilai kira-kira RM100,000 dirampas dalam satu serbuan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan di sebuah rumah di Jalan Pengkalan Pauh, Lubok China semalam.

Pengarah Perhilitan negeri, Wan Mat Wan Harun berkata, sepasukan anggota Unit Perisikan Perhilitan Negeri Sembilan yang melakukan serbuan itu menemukan sebanyak dua kepala, 12 kaki dan satu keping kulit kambing gurun disimpan di dapur rumah berkenaan.

Berikutan itu, katanya, seorang lelaki berusia 60 tahun yang berada di rumah itu telah ditahan bagi membantu siasatan.

"Serbuan pada pukul 11 pagi itu dilakukan hasil maklumat orang awam dan risikan ke atas rumah itu selama dua minggu oleh anggota kami.

"Lelaki tersebut ditahan atas kesalahan menyimpan sebahagian hidupan liar yang dilindungi," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Wan Mat berkata, pihaknya juga mengesyaki lelaki itu yang juga bekas kakitangan kerajaan turut terlibat dalam aktiviti

memburu haiwan berkenaan.

Jelasnya, siasatan awal mengesyaki kambing gurun tersebut ditembak mati bagi mendapatkan minyak yang dihasilkan daripada anggota badan haiwan liar itu untuk tujuan perubatan tradisional.

"Kambing gurun dikategorikan sebagai haiwan liar yang dilindungi sepenuhnya. Kes disiasat di bawah Seksyen 68(2) (c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Jika sabit kesalahan boleh dihukum denda minimum RM100,000 atau maksimum RM500,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun," katanya.



WAN MAT WAN HARUN (kiri) bersama pegawainya menunjukkan bahagian anggota badan kambing gurun yang dirampas dalam sidang akhbar di Seremban semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

Rajah 4: Rampasan kambing gurun oleh PERHILITAN pada September 2016



Kes kambing gurun melibatkan warga asing

- | | |
|--------------|----------------------|
| Julai 2018 | - 6 Warga Viet Nam |
| Januari 2019 | - 11 Warga Indonesia |
| April 2019 | - 2 Warga Viet Nam |

PERUNDANGAN DAN SABITAN BAGI KES BERKAITAN KAMBING GURUN

Kambing gurun merupakan spesis yang 'Dilindungi Sepenuhnya' di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (APHL 2010) di Semenanjung Malaysia. Ini merupakan kategori perlindungan undang-undang paling tinggi, di mana pemburuan, pemilikan dan perdagangan tanpa permit khas adalah dilarang.

Kerajaan menggunakan peruntukan permit khas di bawah keadaan tertentu sahaja, biasanya apabila spesis digunakan untuk kajian atau ditukarkan antara zoo. Hukuman bagi kesalahan berkaitan Kambing gurun di bawah APHL 2010 adalah disenaraikan dalam


Jadual 2.

Seksyen	Kesalahan	Hukuman
Seksyen 68 (2) (c)	Memburu atau menyimpan, mengambil atau menyimpan terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya, tanpa suatu permit khas.	Minimum RM100,000 (USD25,000) sehingga maksimum RM500,000 (USD125,000) dan penjara sehingga lima tahun.
Seksyen 69 (2)	Memburu atau menyimpan, mengambil atau menyimpan terbitan hidupan liar tidak matang yang dilindungi sepenuhnya, tanpa suatu permit khas.	Minimum RM150,000 (USD37,500) dan maksimum RM500,000 (USD125,000) dan penjara sehingga lima tahun.
Seksyen 70 (2)	Memburu atau menyimpan, mengambil atau menyimpan terbitan hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya, tanpa suatu permit khas.	Minimum RM200,000 (USD50,000) dan maksimum RM500,000 (USD125,000) dan penjara sehingga lima tahun.

Jadual 2: Hukuman bagi kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang melibatkan kambing gurun di Semenanjung Malaysia.

APHL 2010 merupakan undang-undang yang melindungi hidupan liar daripada kegiatan pemburuan dan perdagangan haram di peringkat domestik yang telah berkuatkuasa pada bulan Jun 2010 - ianya menggantikan akta lama, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (APHL 1972). Walaupun kambing gurun merupakan spesis yang 'Dilindungi Sepenuhnya' di bawah APHL 1972, hukuman bagi kesalahan pemburuan dan perdagangan haram hanya mencecah denda maksimum RM3,000 (USD938) dan/atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah berbeza dengan APHL 2010 di mana hukuman denda dan penjara bagi kesalahan berkaitan kambing gurun adalah mandatori. Di bawah APHL 1972, hukuman denda boleh mencecah sehingga RM6,000 (USD1,875) atau penjara selama 3.5 tahun atau kedua-duanya sekali, jika kesalahan melibatkan haiwan betina. APHL 2010 adalah undang-undang yang lebih baik berbanding APHL 1972, dan dari perspektif hukuman dengan denda mencecah RM500,000 (USD125,000), APHL 2010 boleh dikatakan sebagai salah satu perundangan perdagangan hidupan liar peringkat domestik yang paling kuat di rantau Asia Tenggara.

Secara keseluruhannya, pendakwaan sejak tahun 2017 telah menunjukkan denda keseluruhan berjumlah RM1.7 juta (USD404,070) dan penjara 93 bulan (**Rajah 5**), walaupun masih terdapat beberap cabaran dalam pendakwaan dan hasilnya. Daripada jumlah ini, denda sebanyak RM1.2 juta (USD300,000), 48 bulan penjara dan tambahan sebanyak enam bulan lagi jika denda tidak dibayar, merupakan hukuman paling berat yang telah dikenakan terhadap dua pesalah pada tahun 2017 bagi kesalahan berkaitan kambing gurun (Joibi, 2017). Hukuman terhadap dua orang warga Viet Nam yang telah ditahan pada bulan April 2017 adalah denda sebanyak RM1.56 juta (USD390,000) (atau 16 tahun penjara sebagai ganti denda) dan penjara 2 tahun bagi kesalahan berkaitan Kambing gurun, Harimau Kumbang, Beruang Matahari, Tapir Tapirus indicus, Kucing Hutan *Catapuma temnickii* dan Babi hutan *Sus scrofa* (TRAFFIC, 2019). Ini adalah berbeza dengan hukuman yang dikenakan dalam lima sabitan melibatkan 11 ekor kambing gurun antara tahun 2005 hingga 2010 dengan hukuman denda RM8,400 (USD2,384¹) dan penjara tiga bulan.



Rajah 5: Trend hukuman denda dan penjara yang dijatuhkan ke atas pesalah bagi kes berkaitan kambing gurun di Semenanjung Malaysia antara 2005 sehingga Mei 2019 (termasuk kes-kes yang dihadapkan di mahkamah sehingga April 2019, di mana sabitan berlaku pada bulan Mei 2019)



KESIMPULAN

Sebahagian besar kes yang melibatkan kambing gurun yang telah direkodkan pada masa lalu tidak menunjukkan sabitan hukuman yang tegas. Ini berlaku antara lain disebabkan oleh hukuman yang rendah dan kuasa pihak berkuasa yang terhad di bawah undang-undang terdahulu. Walaubagaimanapun, keadaan kini menunjukkan peningkatan yang besar disebabkan komitmen pasukan pendakwaan PERHILITAN. Hasil pendakwaan ini juga mungkin disebabkan oleh peningkatan perhatian dan kesedaran rakyat Malaysia (termasuklah sektor kehakiman) terhadap jenayah hidupan liar, di mana TRAFFIC, PERHILITAN dan pelbagai agensi pemuliharaan termasuklah masyarakat umum telah menyokong tindakan dan tadbir urus yang lebih baik untuk mengatasi jenayah hidupan liar sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa sama, hasil rampasan yang disenaraikan dalam **Jadual 1** juga mengetengahkan cabaran yang masih ada di dalam proses penghakiman, dan penglibatan lebih rapat antara sektor penguatkuasaan dan kehakiman dijangka akan bertambah baik.

Majoriti rampasan dalam **Jadual 1** berlaku dalam atau hampir dengan kawasan pemuliharaan yang penting atau hutan simpan di Semenanjung Malaysia. Dalam tempoh analisis ini, pemburu haram dari dalam dan luar negara telah direkod dan ditahan - di dalam dan hampir dengan beberapa kawasan perlindungan dan hutan simpan di Semenanjung Malaysia - di mana mereka menyasarkan mamalia besar seperti Harimau Belang, Beruang Matahari, kambing gurun, gajah dan lain-lain

(Anon, 2011; Anon 2014; Ahmad, 2016; Or *et al.*, 2017; Zolkipli, 2017). Insiden rampasan daging kambing gurun menunjukkan keperluan untuk pemeriksaan berkala di restoran dan memantau perdagangan untuk membenarkan tindakan penguatkuasaan undang-undang. Rampasan yang telah dilaksanakan juga merupakan hasil maklumat daripada orang ramai, khususnya individu yang telah melihat penjualan kepala kambing gurun secara terbuka.

Masyarakat umum adalah digalakkan untuk terus menyokong usaha penguatkuasaan undang-undang dan untuk melaporkan insiden jenayah hidupan liar yang disyaki ke *Wildlife Witness App* yang diuruskan oleh TRAFFIC, di mana aplikasi ini telah dibangunkan dengan kerjasama Taronga Zoo. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma di telefon mudah alih dalam platform Android dan iOS. Insiden jenayah yang diketahui berlaku di Malaysia juga boleh disalurkan kepada Hotline Hidupan Liar (019-356-4194/report@malayantiger.net) yang diuruskan oleh Malaysian Conservation Alliance for Tiger (MYCAT), satu perikatan antara pelbagai badan bukan kerajaan termasuklah TRAFFIC, atau secara terus ke Hotline PERHILITAN (1-800-88-5151).



RUJUKAN

- Ahmad, R.Z. (2016). *Rompak khazanah Negara*. Harian Metro (Malaysia). 24th July: <http://www1.hmetro.com.my/node/149497>
- Anon. (2011). *Sindiket curi kayu gaharu tumpas*. Utusan Melayu (M) Berhad (Malaysia). 9th June: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1231&pub=Utusan_Malaysia&sec=Utara&pg=wu_02.htm#ixzz4HI9thp3g
- Anon. (2014). *12 lelaki curi kayu gaharu RM2 juta ditahan*. Utusan Melayu (M) Berhad (Malaysia). 9th June: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20140227/je_04/12-lelaki-curi-kayu-gaharu-RM2-juta-ditahan#ixzz4FZfM1pu6
- Anon. (2016). *Man arrested for possessing parts of Sumatran serow*. The Star (Malaysia). https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/09/28/man-arrested-for-possessing-parts-of-sumatran-Kambing_gurun/#z98rf6Q0YIOll6G7.99
- Anon. (2017). *Woman caught with serow heads*. The Nation (Thailand). 4th June: <https://www.pressreader.com/thailand/the-nation/20170604/281535110954429>
- Duckworth, J.W., Steinmetz, R. & MacKinnon, J. (2008). *Capricornis sumatraensis*. The IUCN Red List of Threatened Species 2008: e.T3812A10099434. <http://dx.doi.org/10.2305/IUCN.UK.2008.RLTS.T3812A10099434.en>
- Leupen, B.T.C. Gomez, L. and Shepherd, C.R. (2017). Recent observations of the Illegal Trade in Kambing guruns in Lao PDR. *TRAFFIC Bulletin* 29 No. 1.
- Li, T.C. (2014). *Serow: Eaten to the Brink*. The Star (Malaysia). 8th December: https://www.thestar.com.my/lifestyle/features/2014/12/08/Kambing_gurun-eaten-to-the-brink/
- Md Denin, M.J.A. (2018). *Resipi kambing gurun* (Serow recipe). Harian Metro (Malaysia). 20th January: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/01/305412/resipi-kambing-gurun>
- Md Denin, M.J.A. (2019). *'Kenduri' haiwan liar* (Wildlife 'feast'). Harian Metro (Malaysia). 26th January: <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/01/416186/kenduri-haiwan-liar>
- Joibi, N. (2017). *Two land in jail for keeping serow head and parts*. The Star (Malaysia). 20th July: http://www.thestar.com.my/news/nation/2017/06/02/two-land-in-jail-for-keeping-Kambing_gurun-head-and-parts/
- Shepherd, C.R. and Nijman, V. (2007). An Assessment of Wildlife Trade at Mong La Market on the Myanmar-China Border. *TRAFFIC Bulletin* 21(2) 85–88.
- Shepherd, C.R. and Krishnasamy, K. (2014). Observations of illegal trade in Sumatran Serows in Malaysia. *TRAFFIC Bulletin* 26(2): 81–84.
- TRAFFIC. (2019). *Malaysia slaps highest ever fines for wildlife crime onto two Vietnameses*. TRAFFIC Press Release. 15th May: <https://www.traffic.org/news/malaysia-slaps-highest-ever-fines/>
- Zolkiply, Z.I. (2017). *Padah miliki 30 jerat*. Harian Metro (Malaysia). 28th May: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/233049/padah-miliki-30-jerat>

TRAFFIC, the wildlife trade monitoring network, is a leading non-governmental organisation working globally on trade in wild animals and plants in the context of both biodiversity conservation and sustainable development.

For further information contact:
TRAFFIC
Southeast Asia Regional Office,
Suite 12A-01, Level 12A, Tower 1,
Wisma AmFirst
Jalan Stadium SS 7/15
47301 Kelana Jaya

Selangor, Malaysia
Telephone: (603) 7880 3940
Fax : (603) 7882 0171
Website: www.traffic.org

UK Registered Charity No. 1076722,
Registered Limited Company No. 3785518.

TRAFFIC
the wildlife trade monitoring network